

109 kanak-kanak sertai Sunathon Amal 2015

KUALA LUMPUR 17 Dis. - Seramai 109 kanak-kanak menyertai program Sunathon Amal iaitu program berkhatan beramai-ramai anjuran Bank Rakyat dan Koperasi Doktor Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) baru-baru ini.

Program berkenaan turut mendapat kerjasama beberapa agensi lain seperti Klinik Pakar Dr. Normalina, Bandar Sri Permaisuri Cheras; Malaysian Relief Agency (MRA) serta aktivis dari komuniti setempat di kawasan Bandar Tun Razak, Bandar Tasik Selatan, Kota Damansara, Damansara Damai, Kuang dan Rawang.

Setiausaha Agung MRA, Dr. Mohd. Daud Sulaiman berkata, program itu sentiasa mendapat sambutan setiap kali dianjurkan pada hujung tahun.

"Pada tahun 2012, seramai 106 peserta telah dikhatankan diikuti hanya 100 orang pada tahun berikutnya. Bagi tahun 2014, bilangan peserta amat mengejutkan iaitu 160 orang dan bagi tahun ini 109 peserta.

"Sama seperti tahun sebelum ini, Sunathon Amal masih lagi fokus terhadap objektif utama iaitu memberi perkhidmatan khatan kepada anak-anak asnaf, anak ibutunggal dan anak pelarian Rohingya," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah Mohd. Daud, beberapa acara lain turut diadakan seperti perarakan peserta diiringi paluan kompang, mandi beramai-ramai menggunakan pili bomba, ceramah oleh jawatankuasa program, jamuan makan serta tayangan video untuk menenangkan para peserta.

"Tahun ini, 'tok mudim' yang terlibat adalah dalam kalangan pembantu perubatan Pusat Perubatan UKM yang diketuai oleh Ahmad Jailani Harun Alias dengan bantuan 25 pelajar klinikal dari Peratuan Mahasiswa Perubatan UKM (Persiap)," katanya.